

Headline	Kerajaan salur subsidi RM891000 bina RMR1M		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Mar 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	31	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	385 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,679
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,037



# Kerajaan salur subsidi RM891,000 bina RMR1M

**MELAKA 27 Mac** - Kerajaan menerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) menyalurkan subsidi berjumlah RM891,000 untuk projek pembinaan Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) peringkat Parlimen Tangga Batu di sini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, menerusi skim itu, sebanyak 28 pemohon berjaya menerima Sijil Kelayakan Subsidi Pembinaan RMR1M berjumlah RM20,000 melibatkan sembilan kontraktor terpilih melaksanakan projek tersebut.

Menurutnya, sebanyak dua peratus subsidi kadar faedah pinjaman berjumlah RM11,000 turut ditanggung oleh kerajaan Persekutuan menjadikan jumlah keseluruhan subsidi sebanyak RM31,000.

“Kerajaan negeri sentiasa menyokong dasar kerajaan Pusat membantu golongan berpendapatan rendah yang tidak mempunyai rumah atau tinggal di rumah usang tetapi mempunyai tanah untuk memiliki kediaman

selesa.

“Kita berharap dengan terbinanya lebih banyak RMR1M itu akan memberi sinar baharu kepada para pemohon yang memerlukan sekali gus merealisasikan manifesto Barisan Nasional (BN) yang telah dibuat pada April 2013,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan dan Inden Kerja RMR1M peringkat Parlimen Tangga Batu, di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Sazali Muhd. Din dan Ahli Lembaga Pengarah SPNB Mesra, Wan Omar Wan Ab. Ghani.

Dalam pada itu, Idris berkata, di negeri ini sebanyak 4,161 permohonan diterima sejak program RMR1M diperkenalkan dan daripada jumlah itu sebanyak 2,323 permohonan diluluskan.

Beliau berkata, ia juga meli-

batkan sebanyak 1,927 unit rumah telah siap dibina, 261 unit sedang di peringkat pembinaan dan 135 unit dalam peringkat dokumen perjanjian.

“Bagi kawasan Parlimen Tangga Batu, sebanyak 575 permohonan diterima dan daripada jumlah tersebut 297 permohonan diluluskan, telah siap (247 unit), dalam pembinaan (31 unit) dan peringkat dokumen perjanjian (19 unit),” katanya.

Sementara itu, **Wan Omar** berkata, berdasarkan statistik permohonan dari 2002 hingga 28 Februari 2017, sebanyak 86,327 permohonan diterima dan dinilai di seluruh negara dengan 46,552 unit diluluskan.

Daripada jumlah itu katanya, sebanyak 37,315 unit disiapkan, dalam proses pembinaan (7,595 unit) dan peringkat dokumen perjanjian (1,642 unit) manakala 28,268 permohonan telah ditolak dan 11,507 permohonan kini masih dalam senarai menunggu.



**IDRIS HARON** menyampaikan Sijil Kelayakan Subsidi Pembinaan RMR1M kepada salah seorang penerima di MITC, Ayer Keroh, Melaka, baru-baru ini.